



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Kuala Lumpur

Siswa UiTM jaya misi ke Aceh

Sumbangan orang ramai diperlukan bagi membantu masyarakat Islam di Banda Aceh, Indonesia yang masih memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan selepas tragedi tsunami dahsyat pada 2014.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang bertindak sebagai medium menyampaikan sumbangan kepada lebih 200 keluarga miskin bakal berangkat ke bumi Serambi Makkah itu pada 25 hingga 30 Januari ini.

Penasihat Program Program Bakti Siswa Masyarakat Islam Aceh Noor Afzan Zakaria

berkata, selepas beberapa siri kunjungan ke Banda Aceh, pihaknya mendapati masih terdapat ratusan keluarga yang hidup daif dan memerlukan bantuan.

“Biarpun rata-rata kawasan yang musnah dilanda tsunami tidak lama dulu sudah dibangunkan, kehidupan penduduk di situ masih miskin dan kekurangan keperluan asas seperti makanan dan pendidikan,” katanya.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyumbang bolehlah menghubungi talian 019-3912117 atau 010-2643321 untuk maklumat lanjut.



SUKARELAWAN UiTM yang terbabit misi ke Aceh.



WAKIL pelajar dari Fakulti Sains Gunaan bergambar kenangan usai Malam Gala Wirasa UiTM 2016 baru-baru ini.



PERSEMBAHAN nyanyian moden turut diiringi tarian kontemporari.

Aktiviti seni bentuk kemahiran insaniah

AKTIVITI kesenian dalam kalangan pelajar adalah salah satu medium dan platform untuk mempelajari tentang selok-belok seni tradisional, sekali gus menggilap bakat-bakat baharu.

Ia bukan sekadar memeriahkan takwim aktiviti universiti tetapi turut mengisi masa pelajar dengan aktiviti bermanfaat dan membendung kegiatan tidak bermoral.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Abdullah Mohamad Said, penglibatan pelajar dalam aktiviti kesenian mahupun kokurikulum dipercayai dapat membantu mereka untuk membina keyakinan diri dalam

perhubungan sosial.

"Pihak universiti melihat usaha untuk mengembangkan kebudayaan dan kesenian sebagai salah satu langkah mengukuhkan jati diri supaya mahasiswa lebih mengenali identiti bangsa serta negara di samping menyerlahkan bakat dalam bidang berkenaan.

"Penganjuran aktiviti seperti ini juga bertujuan memperkayakan pelajar dengan kemahiran insaniah, sekali gus menggalakkan interaksi seni antara pelajar berlainan fakulti di kampus dan memupuk sifat kepimpinan dalam diri mereka," katanya ketika berucap sempena perasmian penutup

Malam Gala Pertandingan Kesenian dan Kebudayaan Antara Fakulti (Wirasa) 2016 di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.



ABDULLAH

Tambahnya, aktiviti-aktiviti seperti itu wajar diperkembangkan supaya lebih banyak lagi cabang kesenian yang boleh diperkenalkan kembali kepada golongan muda supaya ia tidak pupus ditelan zaman.

Pihaknya juga berharap agar saranan itu dapat disambut baik oleh semua pihak fakulti dalam menjadikan pengalaman belajar di UiTM khususnya lebih luas dan interaktif.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

